

# VERIFIKASI MAKNA DALAM FALSAFAH ZA‘BA

## *(Verification of Meaning in Za‘ba’s Philosophy)*

Munif Zarirruddin Fikri Nordin

munif@uum.edu.my

Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2024). Verifikasi makna dalam falsafah Za‘ba. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 307–326. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no7)

Peroleh: Received:	20/11/2023	Semakan: Revised	9/5/2024	Terima: Accepted:	17/5/2024	Terbit dalam talian: Published online:	24/7/2024
-----------------------	------------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

### Abstrak

Verifikasi makna merupakan prinsip utama dalam menilai kandungan sesuatu ungkapan sama ada maknanya diterima atau ditolak. Dalam falsafah Arab-Islam dan falsafah Barat, prinsip ini telah ditekuni dengan serius, khususnya sejak permulaan pusingan linguistik pada awal abad ke-20. Dalam falsafah Melayu, meskipun verifikasi makna tidak ditekuni sepertimana dalam falsafah Arab-Islam dan falsafah Barat, namun kesedaran tentang kepentingannya, lebih-lebih dari segi konsep makna asal dan makna khas serta kaedah asas pembezaan makna telah ditunjukkan oleh Za‘ba. Makalah ini bertujuan untuk (1) menjelaskan konsep verifikasi makna dalam falsafah Za‘ba dan (2) menghuraikan kaedah verifikasi makna dalam falsafah beliau. Data konsep verifikasi makna melibatkan pemikiran Za‘ba (1919; 1980; 2009) dalam puisi bertajuk *Kejatuhan Kaum Islam* serta konsep salah dan benar dalam *Falsafah Takdir* dan *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Data kaedah asas verifikasi makna pula bersumberkan pemikiran Za‘ba (2000; 2002) tentang kecacatan makna dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* dan perbezaan makna dalam *Ilmu Mengarang Melayu*. Melalui perbincangan, terdapat kesedaran dan tanggungjawab falsafi yang dilaksanakan oleh Za‘ba dalam meletakkan asas pembentukan verifikasi makna melalui konsep benar, salah, penuh makna dan sirna makna di samping mengemukakan cadangan konseptual berhubung dengan verifikasi makna. Beliau juga memperkenalkan kaedah verifikasi makna melalui prinsip menepati realiti dan prinsip pentaakulan kognitif.

*Kata kunci:* Verifikasi makna, bahasa agama, falsafah Melayu, falsafah agama, falsafah bahasa, falsafah Za‘ba

### ***Abstract***

*Verification of meaning is the main principle in evaluating the content of expression, whether its meaning is accepted or rejected. In Arab-Islamic and Western philosophies, this principle has been critically studied, especially since the beginning of linguistic shift in the early 20th century. In Malay philosophy, although the verification of meaning is not pursued as in Arab-Islamic and Western philosophies, the awareness of its importance, especially in the concept of original meaning and special meaning as well as the basic method of differentiating meaning has been shown by Za'ba. This article aims to (1) explain the concept of verification of meaning in Za'ba's philosophy, and (2) elaborate on the method of verification of meaning in his philosophy. The data on the concept of verification of meaning involve Za'ba's (1919, 1980, 2009) thoughts in the poem titled Kejatuhan Kaum Islam, and the concept of right and wrong in Falsafah Takdir and Perangai Bergantung pada Diri Sendiri. The data on the method of verification of meaning are sourced from Za'ba's (2000, 2002) thoughts on deficiency of meaning in Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III and differences in meaning in Ilmu Mengarang Melayu. Through the discussion, it was found that awareness and philosophical responsibility were implemented by Za'ba in laying the foundation for the formation of verification of meaning through the concepts of true, false, meaningful and meaningless, in addition to presenting the conceptual proposal regarding the verification of meaning. He also introduced the method of verification of meaning through the principles of conforming to reality and cognitive reasoning.*

*Keywords: Verification of meaning, religious language, Malay philosophy, philosophy of religion, philosophy of language, Za'ba's philosophy*

## **PENDAHULUAN**

Kehidupan adalah tentang makna dan makna tersebut perlu difahami, diinterpretasi serta disusuli dengan tindakan membuat keputusan dan penentuan tindakan. Makna dalam lingkaran sosial keluarga, organisasi, masyarakat dan negara berupaya memberikan impak positif, seperti persefahaman, peningkatan intelektual, kerjasama, perpaduan, kesetiaan, pembangunan, keamanan dan kesejahteraan. Makna juga boleh memberikan impak negatif, seperti mencetuskan konflik, permusuhan, peperangan dan pembunuhan akibat perbezaan kefahaman dan interpretasi, khususnya apabila maklumat atau berita berbaur yang antara benar dengan palsu sehingga yang benar difahami sebagai kepalsuan dan yang palsu diterima sebagai kebenaran. Dalam falsafah bahasa, makna merupakan salah satu fokus utama. Isu dan permasalahan makna yang sering diperdebatkan ialah penentuan makna, terutamanya dalam falsafah analitik. Oleh sebab dalam penggunaan bahasa terdapat makna hakiki

dan makna majazi, maka makna sukar ditentukan sehingga menimbulkan salah faham dan kekeliruan apabila diinterpretasi. Salah satu kaedah penentuan makna yang tepat dan sah ialah verifikasi makna. Kaedah ini mengetengahkan prinsip penilaian kandungan sesuatu ungkapan sama ada maknanya diterima atau ditolak. Misalnya, dalam ungkapan bahasa agama, makna memainkan peranan penting untuk menentukan keabsahan interpretasi.

Dalam falsafah Melayu, verifikasi makna tidak ditekuni sepertimana dalam falsafah Arab-Islam dan falsafah Barat, khususnya sejak permulaan pusingan linguistik (*linguistic turn*) pada awal abad ke-20. Namun begitu, kesedaran tentang kepentingannya, terutama dari segi konsep makna asal dan makna khas serta kaedah asas pembezaan makna telah diperlihatkan oleh Za'ba melalui beberapa penulisan beliau. Makalah ini bertujuan untuk (1) menjelaskan konsep verifikasi makna dalam falsafah Za'ba, dan (2) menghuraikan kaedah verifikasi makna dalam falsafah beliau.

Data konsep verifikasi makna melibatkan pemikiran Za'ba (1919; 1980; 2009) tentang konsep benar dan salah dalam enam bait puisi bertajuk *Kejatuhan Kaum Islam* serta beberapa petikan daripada *Falsafah Takdir* dan *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Daripada data ini, perbincangan memfokuskan tasawur yang dibina oleh Za'ba berhubung dengan makna dalam falsafah bahasa. Data kaedah asas verifikasi makna pula bersumberkan pemikiran Za'ba (2000; 2002) tentang kecacatan makna dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* dan perbezaan makna dalam tiga cabang tinggi bahasa menerusi beberapa petikan daripada *Ilmu Mengarang Melayu*, iaitu simpulan bahasa, peribahasa dan bahasa kiasan. Dengan data ini, tumpuan perbincangan adalah tentang kaedah asas verifikasi yang dirintis untuk menentukan makna dalam falsafah bahasa.

### **Verifikasi Makna dalam Falsafah Islam dan Barat**

Falsafah Islam mengambil inspirasi al-Quran melalui konsep *tabayyun* (semakan atau penyelidikan maklumat). Dalam al-Quran, *tabayyun* merupakan perintah dalam bentuk kata kerja imperatif melalui dua ayat dalam surah *al-Nisa'* (4:94) (maksudnya):

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya) dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah): Engkau bukan orang yang beriman (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal). (Janganlah kamu gelap mata kepada daki dunia itu) kerana di sisi Allah ada disediakan limpah kurnia yang banyak. Demikianlah

juga keadaan kamu dahulu (dapat diketahui oleh orang lain akan keislaman kamu dengan memberi salam atau mengucapkan kalimah Syahadat), lalu Allah mengurniakan nikmat-Nya kepada kamu. Oleh itu selidikilah (apa-apa jua lebih dahulu dan janganlah bertindak dengan terburu-buru). Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dengan mendalam akan segala yang kamu lakukan.

Konsep *tabayyun* juga diterangkan dalam surah *al-Hujurat* (49:6):

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Konsep *tabayyun* yang diketengahkan dalam al-Quran adalah bersifat umum. Walau bagaimanapun, keumuman tersebut telah mendorong kepada perkembangan ide tentang semakan atau pemeriksaan maklumat supaya kesahihan dapat dikemukakan sebagai hasil kualiti pengetahuan yang distrukturkan melalui perbandingan dengan perkara faktual. Proses penentuan kesahihan tersebut menggambarkan keinginan, kesungguhan dan ketelitian untuk mendapatkan kualiti pengetahuan yang tinggi dan berfakta.

Konsep *tabayyun* diperinci dan diperhalusi oleh ilmu-ilmu lain termasuk falsafah, terutamanya yang melibatkan kaedah mengenal pasti dan menangani makna benar atau palsu. Isu makna benar dan palsu atau isu kebenaran dibangkitkan dalam falsafah Islam zaman pertengahan bertitik tolak daripada persoalan sama ada pengetahuan manusia sepadan dengan hakikat sesuatu (*actuality of affairs*) (Smirnov, 1997:437).

Dalam menangani permasalahan piawaiian kebenaran, ilmu balaghah (retorik) Arab memperkenalkan prinsip *al-sidq* (benar) dan *al-kazb* (dusta) melalui salah satu daripada tiga cabangnya, iaitu ilmu *al-ma'ani*. Prinsip ini menetapkan bahawa ungkapan semasa diungkapkan mengandungi kebenaran atau kedustaan yang dapat ditentusahkan ialah *al-khabar* (konstatif); manakala ungkapan semasa diungkapkan tidak mengandungi kebenaran atau kedustaan yang dapat ditentusahkan ialah *al-insya'* (performatif). Prinsip ini dipelopori oleh 'Abd al-Qāhir al-Jurjāni (t.t.) dalam *Dalā'il al-'Ijāz* dengan ketepatan realiti (*muṭābaqat al-wāqi'*) digunakan sebagai ukuran kebenaran ('Abd al-Azīz, 1985:25).

Salah satu kaedah yang diperkenalkan oleh ahli falsafah awal Islam, khususnya al-Farabi melalui pengaruh Aristotle ialah logik. Menurut Smirnov (1997), fungsi logik adalah untuk mendapatkan pengetahuan yang benar melalui tasawur (konsep tentang sesuatu) dan tasdik (pengesahan kebenaran), yang boleh diakses hanya berdasarkan beberapa pengetahuan awal. Melalui tasawur, pengetahuan dalam

analisis akhir adalah berdasarkan unit makna yang terbentuk dalam definisi, yang kemudiannya diterapkan dalam penghujahan. Melalui tasdik pula, pengetahuan utama ini diwakili oleh prinsip akal yang berteraskan intelek; seumpama al-Farabi menilai Aristotle, iaitu sesuatu kepastian boleh dibina daripada prasangka umum yang perlu dan benar tanpa penyiasatan atau hujah terlebih dahulu (Smirnov, 1997:439).

Dalam falsafah Barat abad ke-20 yang diwakili oleh falsafah analitik, idea verifikasi makna muncul bersama-sama dengan empirisme. Antara pendukung utama idea ini ialah A. J. Ayer (1936). Idea ini meletakkan makna sama ada mengandungi benar atau palsu, penuh makna (*meaningful*) atau sirna makna (*meaningless*), kognitif atau bukan kognitif, maklumat berfakta atau maklumat tidak berfakta, serta sama ada mempunyai rujukan nyata atau tidak mempunyai rujukan nyata.

Sebelum kemunculan falsafah analitik, secara tersirat verifikasi makna dalam falsafah Barat juga diperdebatkan oleh kelompok tradisional, khususnya Aquinas (1274). Ciri utama aliran tradisional ialah kognitif-semantik, iaitu penerimaan kewujudan makna berfakta dan rujukan nyata, termasuk tentang ketuhanan dan perkara metafizik. Menurut Aquinas (1274), oleh kerana makna khususnya makna bahasa agama sukar ditentukan kerana disaluti oleh konsep, simbol dan imej, maka analogi merupakan kaedah yang sesuai melalui pemerhatian terhadap alam semula jadi. Dalam pemerhatian tersebut, analogi atribusi dan analogi perkadaran (Stiver, 1996:24) merupakan refleksi pentaakulan kognitif yang memaparkan maklumat berfakta dan rujukan nyata.

Secara perbandingan, terdapat persamaan dari segi pembentukan verifikasi makna, iaitu sama ada sesuatu makna itu benar atau palsu sepertimana yang digunakan dalam falsafah Islam; serta sama ada sesuatu makna itu penuh makna atau sirna makna sebagaimana yang digunakan dalam falsafah analitik. Kedua-dua falsafah Islam dan falsafah analitik meletakkan verifikasi makna sebagai prinsip utama dalam menilai kandungan sesuatu ungkapan agama sama ada maknanya diterima atau ditolak.

Dari segi kaedah verifikasi makna pula, kedua-dua falsafah memperlihatkan bahawa bahasa mempunyai kaitan dengan realiti, kognitif, bukan kognitif, maklumat berfakta dan rujukan nyata. Meskipun begitu, dalam falsafah Islam, metafizik mempunyai realiti dan kebenaran, sedangkan dalam falsafah analitik, metafizik dipertikaikan kerana sifatnya yang bukan kognitif, yakni bukan faktual.

### **Verifikasi Makna dalam Falsafah Melayu**

Kajian khusus tentang verifikasi makna dalam falsafah Melayu adalah sukar untuk ditemukan. Terdapat kemungkinan verifikasi makna ialah satu aspek yang masih belum diselidiki sepenuhnya dalam falsafah Melayu. Antara faktor keadaan ini ialah

bidang falsafah Melayu itu sendiri umumnya masih belum distrukturkan secara sistematik; dan oleh yang demikian kedudukannya sebagai suatu bidang dan disiplin ilmu adalah dalam bentuk terpilih dan terpisah dalam subbidangnya yang tertentu, seperti falsafah bahasa dikaji oleh ahli linguistik dan falsafah sains diselidik oleh ahli sains.

Sejak lebih lima dekad lalu sebagaimana yang dijelaskan oleh A. Bakar Hamid (1967:160), sangat sedikit perhatian diberikan kepada makna waimma dalam linguistik (termasuk linguistik Melayu). Menurut A. Bakar Hamid (1967:160), hal ini adalah disebabkan oleh:

- (1) Kesukaran mengkaji makna secara formal kerana keseluruhan pengalaman manusia merupakan bahan kajian makna.
- (2) Pengkajian makna perlu melibatkan ilmu-ilmu lain, seperti psikologi dan falsafah.
- (3) Perbezaan pandangan dalam kalangan ahli linguistik tentang status dan skop semantik dalam pengkajian makna.

Dalam linguistik Melayu, menurut Zulkifley Hamid (2007:93), perbincangan tentang makna antara lain menyentuh tentang pentafsiran makna pada peringkat kata, frasa dan seterusnya ayat. Pada peringkat kata, makna dicirikan oleh sinonim, antonim, polisemi dan homonim. Pada peringkat frasa dan ayat, unit makna yang lengkap dinamakan sebagai proposisi, yakni sekurang-kurangnya mengandungi subjek dan predikat (Zulkifley Hamid, 2007:97).

Namun begitu, terdapat juga kajian tentang makna dalam falsafah bahasa Melayu. Satu penulisan yang penting untuk disorot ialah *Pengantar Falsafah Bahasa* oleh Hashim Hj. Musa (1994). Dalam bab keempat penulisan tersebut, iaitu ilmu semantik dan teori simbolisme sepintas lalu, beliau membincangkan elemen berserta contoh makna dalam bahasa Melayu yang meliputi konsep makna, masalah makna dan pengertian, kaedah perlambangan perkataan berdasarkan konsep pengelasan, selok-belok perlambangan perkataan dan pentakrifan, ayat dan makna, perpindahan makna serta konsep lapangan semantik.

Dalam subtopik masalah makna dan pengertian, Hashim Hj. Musa (1994:52–53) mengemukakan contoh makna benda yang juga boleh mendukung makna perkataan, seperti “ibu” yakni makna tetap bagi “emak” boleh mendukung makna bergerak bagi “ibu negara”, “ibu pertiwi”, “ibu pejabat” dan lain-lain. Dengan itu, makna benda bersifat statik dan deskriptif, sedangkan makna perkataan bersifat dinamis dan ekspresif.

Hashim Musa dan Ong Chin Guan (1998:8–9) menjelaskan bahawa pada abad ke-20, terdapat empat pembahagian dalam kajian tentang makna, iaitu semantik logik atau semantik tulen, semantik linguistik teoritis atau semantik teoritis, semantik linguistik deskriptif atau semantik deskriptif, dan teori lapangan semantik. Hashim Musa dan Ong Chin Guan (1998:9) menamakan Syed Muhammad Naquib al-Attas

(1970) sebagai sarjana Melayu yang menerapkan teori lapangan semantik dalam analisis falsafah beliau tentang istilah tasawuf Hamzah Fansuri.

Makna dalam falsafah bahasa Melayu secara umum juga pernah disentuh oleh Asmah Hj. Omar (2010; 2011). Misalnya dalam Asmah (2010:2) yang memetik pandangan Searle (1971:1) menyatakan bahawa makna merupakan salah satu ciri bahasa yang dianalisis melalui percubaan atau pendirian dalam falsafah bahasa.

### **Latar Belakang dan Pemikiran Bahasa Za'ba**

Banyak kajian dan penulisan tentang latar belakang dan pemikiran Za'ba yang dihasilkan, khususnya oleh pengkaji tempatan. Dari segi latar belakang, Asmah Hj. Omar (2014:xv) menyatakan bahawa terdapat sumber primer dalam bentuk penceritaan daripada Za'ba sendiri, iaitu oleh Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain (2000) serta Adnan Hj. Nawang (2005). Oleh itu, tiada perbezaan dalam kalangan pengkaji tentang biografi beliau.

Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Batu Kikir dan Sekolah Linggi, pendidikan menengah di St. Paul's Institution, Seremban. Dengan berbekalkan kelulusan *Senior Cambridge*, beliau bekerja sebagai guru sementara di Johor Bharu pada tahun 1916. Semasa di sana, selain mengajar, beliau belajar bahasa Arab dan agama dengan guru dan sahabatnya, Syeikh Tahir Jalaluddin. Hasil pergaulannya dengan Syeikh Tahir, Za'ba tertarik dengan idea dan gerakan reformasi di Timur Tengah (Adnan Hj. Nawang, 1994; 2005).

Pada tahun 1947, Za'ba ditugaskan untuk mengajar bahasa Melayu di Universiti London, England untuk tempoh tiga tahun sehingga tahun 1950. Semasa di sana, beliau sempat menduduki program matrikulasi universiti berkenaan sebagai syarat untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah. Setelah pulang ke tanah air, beliau menyambung pengajian ijazahnya secara persendirian pada tahun 1952 dan berjaya memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1953 (Adnan Hj. Nawang, 2005).

Sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan kesarjanaan Za'ba, Universiti Malaya, Singapura menganugerahkan beliau ijazah Doktor Kehormat Persuratan pada 1959 (Haron Daud, 1995:107). Pada 26 Jun 1973, Universiti Kebangsaan Malaysia pula menganugerahkan beliau ijazah Kehormat Doktor Persuratan (Pusat Pengurusan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023) sebelum beliau meninggal dunia pada 23 Oktober 1973 pada usia 78 tahun (2011) (Adnan Hj. Nawang, 2009:29).

Dari segi pemikiran Za'ba, terdapat sekurang-kurangnya enam bidang atau skop yang dikaji, iaitu bahasa, pendidikan, agama, falsafah, politik dan ekonomi. Tetapi, oleh sebab beberapa tulisan Za'ba tentang bahasa dan linguistik menjadi teori dan panduan kepada bahasa dan linguistik Melayu sehingga kini, maka sumbangan

kesarjanaan yang paling menonjol ialah bahasa; dan oleh itu, Za'ba lebih dikenali sebagai ahli bahasa. Hal ini ditegaskan oleh Awang Sariyan (2007:83; 2010:14) bahawa Za'ba merupakan tokoh yang meletakkan asas tatabahasa dan ejaan dalam sistem bahasa Melayu baharu serta memulakan babak awal perkembangan ilmu bahasa atau linguistik Melayu baharu sejak tahun 1920-an sezaman dengan Leonard Bloomfield, tokoh linguistik Amerika.

Asmah Hj. Omar (2014) mengkategorikan Za'ba sebagai ahli fikir dan ahli bahasa. Maksud ahli fikir ialah pemikiran Za'ba yang mendalam dan kritis yang dibuktikan melalui penulisan beliau, yang menjangkau sekurang-kurangnya enam bidang seperti yang dinyatakan sebelum ini. Penulisan beliau merentas antara bidang, umpamanya sosiologi sastera seperti dalam kajian Haron Daud (1995), spiritual seperti dalam kajian Ratna Roshida Ab. Razak (2021) dan bahasa agama dalam falsafah seperti dalam kajian Munif Zarirruddin Fikri Nordin (2023). Maksud ahli bahasa pula merujuk sumbangan Za'ba dalam merintis teori dan panduan awal linguistik Melayu meliputi aspek nahu, semantik, pragmatik, retorik dan stilistik. Selain itu, beliau juga telah meletakkan asas yang kukuh dalam fonologi, fonetik, ejaan dan tulisan Jawi (Asmah Hj. Omar, 2000, 2010; Ahmad Nabil Amir, 2020).


### **KONSEP VERIFIKASI MAKNA DALAM FALSAFAH ZA'BA**

Sebagai seorang pendeta, pemikiran Za'ba bukan hanya berlegar tentang bahasa, tetapi merentas bidang lain yang ditekuninya, khususnya agama, falsafah dan sosiologi. Kelebihan ini telah memupuk kecenderungan dan membuka mindanya untuk meneliti konsep verifikasi makna dengan kesedaran bahawa makna berada dalam ruang lingkup bahasa manakala verifikasi pula ialah permasalahan falsafah.

Dalam pemikiran Za'ba, skop verifikasi yang asas mengandungi prinsip benar, palsu, penuh makna dan sirna makna. Istilah benar bermaksud sah, sahih dan betul; sementara palsu bererti tidak benar, dusta dan palsu. Istilah penuh makna pula bermaksud makna yang mengandungi kebenaran dan kebenaran tersebut diterima; manakala sirna makna bererti makna yang tidak mengandungi kebenaran sebaliknya mengandungi kepalsuan.

Terdapat dua tahap pembentukan konsep verifikasi makna yang tersirat dalam pemikiran Za'ba, iaitu yang pertama, verifikasi makna ialah perintah Tuhan dan kedua, peranan akal dalam penentuan benar atau salah. Tahap ini ditunjukkan dalam Rajah 1. Tahap pertama adalah berdasarkan hubungan manusia-Tuhan, iaitu penentuan makna merupakan tanggungjawab yang manusia wajib laksanakan; dan kewajipan tersebut merupakan perintah Tuhan. Oleh sebab penentuan makna merupakan perintah Tuhan, kegagalan manusia melaksanakannya bakal mengundang celaan dan kemurkaan-Nya. Za'ba (2009:30) menegaskan hal ini dalam bukunya. Tahap pertama adalah berdasarkan





**Rajah 1** Dua tahap pembentukan konsep verifikasi makna dalam pemikiran Za‘ba

hubungan manusia dengan Tuhan, iaitu penentuan makna merupakan tanggungjawab yang manusia wajib laksanakan; dan kewajipan tersebut merupakan perintah Tuhan. Oleh sebab penentuan makna merupakan perintah Tuhan, kegagalan manusia melaksanakannya bakal mengundang celaan dan kemurkaan-Nya. Za‘ba (2009:30) menegaskan hal ini dalam bukunya:

“Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tuli sahaja apa yang dikatakan orang atau apa yang biasa dibuat orang. Umpama mereka yang berdegil mengikut jalan nenek moyang atau pendapat orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya atas neraca timbangan akal sendiri, bahkan tiada dikira walaupun berlawanan dengan akal fikiran yang insaf dan bersalahan dengan ilmu pengetahuan yang sah betulnya”.

Pada tahap kedua, Za‘ba (2009) mengangkat peranan akal dalam menilai makna sama ada benar atau palsu serta penuh makna atau sirna makna. Peranan akal dirumuskan dalam tiga kritikan Za‘ba yang berikut:

- (1) Sikap degil dan mengikut pendapat lama yang konservatif dengan mengeneipkan realiti semasa dan perubahan kontemporari.
- (2) Sikap mengikut secara membuta tuli, iaitu sikap malas berfikir ditambah lagi dengan ketiadaan atau kekurangan ilmu; sebaliknya sekadar meniru orang lain dan menurut kelaziman masyarakat.
- (3) Sikap tidak peduli walaupun bertentangan dengan logik akal dan ilmu yang benar.

Dalam kritikan pertama, Za‘ba menyentuh tentang konservatisme terhadap jalan nenek moyang atau pendapat orang terdahulu sebagai penghalang perubahan dan kemajuan. Masalah utama konservatisme ialah keterikatan makna dengan konteks, yakni makna baharu yang benar tidak dapat mengubah makna lama yang palsu (tidak relevan) sedangkan konteks makna tersebut berubah berdasarkan realiti semasa. Idea Za‘ba ini ialah idea reformasi atau *islah* yang berakar di Timur Tengah yang diinspirasi oleh Syeikh Tahir Jalaludin, iaitu guru agama dan bahasa Arab semasa beliau bekerja sebagai guru sandaran di Johor Bahru (Adnan Hj. Nawang, 2005). Pengaruh idea reformasi juga mempengaruhi kritikan kedua dan ketiga beliau.

Dalam kritikan kedua, Za‘ba berpendapat makna sepatutnya ditimbang tara salah benarnya, yakni diverifikasikan menggunakan akal sendiri. Pendapat ini secara tersirat bermaksud pertimbangan akal terlebih dahulu memerlukan ilmu pengetahuan kerana tanpa ilmu pengetahuan, akal tidak dapat berfikir serta membuat pertimbangan antara perkara yang benar dan yang salah. Masalah kejahilan ilmu pengetahuan dan tidak berfikir dalam kritikan Za‘ba ini juga pernah diperihalkan oleh Asmah Hj. Omar (2014:183) sebagai “bertaklid buta lawan berjihad sendiri” yang dicorakkan oleh sikap agamawan Melayu yang sentiasa menganggap pandangan mereka benar dan menolak amalan bersola jawab. Sikap seumpama ini menafikan fungsi akal dalam berfikir serta menjauhkan semangat berjihad sendiri.

Dalam kritikan ketiga, Za‘ba berpandangan bahawa makna sepatutnya diambil cakna dan diberikan perhatian dalam penggunaan bahasa. Sifat tidak peduli terhadap makna yang salah meskipun ternyata menyalahi logik akal dan fakta merupakan satu tanda kejatuhan masyarakat. Perkara yang sama pernah disentuh oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007:59) yang menegaskan bahawa kegagalan menyampaikan makna yang benar membayangkan bahawa masyarakat yang tidak sedar akan hakikat keadaan mereka.

Pada tahun 1919, Za‘ba pernah memerihalkan tentang kepentingan dan pengabaian masyarakat Melayu-Islam terhadap verifikasi makna dalam puisi bertajuk *Kejatuhan Kaum Islam* (Za‘ba, 2002:123-124):

*Islam kita, weh, kejatuhan,  
Sebab karut masuk tambahan,  
Al-Quran hadis terbulang-baling.*

*Hadis firman dapat ubahan,  
Maksud hakiki berpecahan,  
Puding bengkok kena perguling.*

*Akwal ulama penyudahan,  
Barang apa semuanya burhan,  
Orang kemudian ikut keliling.*

*Benar salah tidak payahan,  
Semua Islam punya suruhan!  
Terima tidak boleh menggeleng!*

*Kalau ada yang arif johan,  
Ilmu dan akal bawa suluhan,  
Dengan metanya kena hembaling.*

*Bidaah sesat jadi tuduhan,  
Jadi hakim seperti tuhan,  
Ulama jadid disangka maling.*

Dalam bait pertama dan kedua puisi, Za'ba membayangkan bahawa kejatuhan Islam ditandakan oleh perubahan yang berlaku kepada al-Quran dan hadis. Perubahan tersebut termasuklah kemasukan pelbagai makna tambahan yang karut sehingga menenggelamkan makna hakikinya. Dalam bait ketiga dan keempat, Za'ba selanjutnya menjelaskan bahawa tentang kemasukan makna karut tersebut diburukkan lagi oleh sikap autoritatif ulama pada masa itu yang mengawal makna dan memaksa penerimaan makna sehingga tiada perdebatan tentang penentuan makna yang benar atau salah.

Selain itu, melalui keempat-empat bait berkenaan, Za'ba secara tersirat mengetengahkan konsep penuh makna dan sirna makna. Konsep penuh makna merujuk kebenaran berdasarkan al-Quran dan hadis, manakala konsep sirna makna pula merujuk kepalsuan yang disebabkan oleh kekarutan makna tambahan yang merosakkan makna sebenar.

Dalam bait kelima dan keenam, Za'ba memaparkan usaha beliau dalam membawa reformasi masyarakat berasaskan ilmu dan rasional, termasuk membentuk verifikasi makna yang dibalas dengan kecaman. Masyarakat pada masa itu khususnya oleh kalangan ulama konservatif, melemparkan tuduhan kepada beliau sebagai pembawa bidaah sesat.

Dalam *Falsafah Takdir*, Za'ba (1980:90) memperincikan gejala pengabaian verifikasi makna dengan mengetengahkan contoh makna konsep ikhtiar dalam al-Quran yang disalahertikan oleh masyarakat Islam yang malas berfikir dan tidak berusaha memberikan pengertian yang betul:

“Ayat-ayat Quran itu tiada difahamkan betul-betul tujuannya dan kehendaknya dengan dihubungkan kepada lain-lain ajaran atau bahagian Quran atau dihubungkan

kepada tujuan-tujuan yang lebih luas dari sebuah Quran itu yang hakikatnya bagi kebajikan manusia dunia akhirat”.

Kekhuatiran tentang fenomena ini mendorong Za'ba (1980:106) mengemukakan tiga cadangan konseptual berhubung dengan verifikasi makna ayat al-Quran. Pertama, penelitian perlu dilakukan terhadap ayat sebelum dan selepas supaya konteks ayat berkenaan dapat difahami. Kedua, kefahaman bahawa tiada pertentangan makna antara satu ayat dengan ayat yang lain. Ketiga, kefahaman bahawa setiap ayat mempunyai tujuan dan kegunaan yang luas dalam konteks yang berbeza. Ketiga-tiga cadangan berkenaan saling berkaitan dan melengkapi antara sama lain.


Keupayaan Za'ba mengemukakan konsep verifikasi makna dalam bentuk abstrak meskipun secara tersirat dan tidak semantap pemikiran al-Jurjāni (t.t.) dalam falsafah Arab-Islam dan Ayer (1936) dalam falsafah analitik merupakan manifestasi pengaruh reformisme atau islah yang beliau terima daripada gerakan berkenaan di Timur Tengah. Reformisme yang dimaksudkan merujuk semangat membersihkan Islam daripada bidaah dan khurafat serta memperbaiki keseluruhan kehidupan daripada kemunduran intelektual, pemikiran dan politik seperti yang dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani (Abdul Aziz Mat Ton, 2000:135). Za'ba bukan sahaja memiliki kesedaran akan kepentingan verifikasi makna bahasa genre umum, tetapi juga bahasa agama, yakni pengungkapan tentang ketuhanan, ayat al-Quran dan metafizik Islam.

## **KAEDAH ASAS VERIFIKASI MAKNA DALAM FALSAFAH ZA'BA**

Kaedah asas verifikasi yang dibentuk oleh Za'ba untuk menentukan makna dalam falsafah bahasa ialah prinsip menepati realiti yang dicirikan oleh penuh makna atau sirna makna; serta prinsip pentaakulan kognitif yang mengandungi maklumat berfakta dan rujukan nyata. Penentuan makna ini dipaparkan dalam Rajah 2.

Dengan asas ini, penuh makna bermaksud makna yang benar manakala sirna makna pula bermaksud makna yang salah, yang dibezakan berdasarkan prinsip menepati realiti. Dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*, Za'ba (2000:550) mengemukakan kaedah pengungkapan makna yang benar yang sepatutnya digunakan di samping mengelakkan penulisan makna yang salah yang diistilahkan sebagai kesalahan dalam ayat karangan.

Walaupun kesalahan dalam ayat karangan merupakan kesalahan yang bukan sirna makna sepenuhnya, yakni maknanya masih boleh difahami dan tidak ditolak secara total, tetapi bagi Za'ba, kesalahan tersebut merosakkan makna, seperti menyebabkan kecanggungan dari segi bunyi atau kejanggalan hubungan antara unit-unit dalam komponen ayat. Kesalahan ini menimbulkan kekaburan dan salah faham terhadap makna serta mengakibatkan penyimpangan daripada makna sebenar yang dimaksudkan.



**Rajah 2** Penentuan makna dalam pemikiran Za‘ba.

Menurut Za‘ba (2000:548), salah satu ciri ayat yang mempunyai makna yang benar ialah ayat yang kedudukan dan susunan perkataannya adalah tepat dan mantap. Contohnya ialah perbezaan yang terdapat dalam dua ayat yang berikut:

- (1) Saya suka menerima nasihat-nasihat lagi berkenaan dengan mendidik budak-budak pengakap daripada cikgu.
- (2) Saya suka menerima nasihat-nasihat lagi daripada cikgu berkenaan dengan mendidik budak-budak pengakap.

Dalam Contoh 1, frasa atau rangkaian perkataan (istilah yang digunakan oleh Za‘ba), iaitu “daripada cikgu” berada jauh daripada frasa yang mempunyai hubungan dengannya, iaitu “menerima nasihat-nasihat lagi”. Kedudukan frasa seperti ini menyebabkan kekaburan makna kerana terdapat pelbagai sumber yang boleh memberikan nasihat.

Dalam Contoh 2, frasa “daripada cikgu” dianjakkan ke hadapan dan diletakkan antara perkataan “lagi” dengan “berkenaan”. Peletakan frasa seumpama ini menghilangkan kekaburan makna kerana hubungan yang penting dalam ayat ialah hubungan antara penasihat dengan sumbernya, iaitu nasihat yang diberikan oleh guru. Realitinya, nasihat guru merupakan nasihat terbaik berdasarkan kelayakan, pengetahuan dan pengalaman mereka berbanding nasihat daripada individu lain.

Menurut Za‘ba (2000:551), bagi ayat yang mengandungi makna yang salah, salah satu sebabnya ialah perkataan dalam ayat tersebut diletakkan di tempat yang salah. Contohnya ialah:

- (3) Melaka pada zaman itu sebuah bandar perniagaan yang sentiasa ditandangi oleh serba bangsa iaitu orang Melayu, Jawa, Hindi, Arab, China dan orang Chempa daripada segenap tempat.

Frasa “daripada segenap tempat” yang diletakkan selepas perkataan “orang Chempa” membawa makna bahawa hanya orang Chempa sahaja yang datang daripada segenap tempat. Oleh kerana makna sebenar yang dikehendaki daripada Contoh 3 adalah pelbagai bangsa yang datang dari segenap tempat, maka ayat yang betul adalah seperti dalam Contoh 4 yang berikut:

- (4) Melaka pada zaman itu sebuah bandar perniagaan yang sentiasa ditandangi oleh serba bangsa daripada segenap tempat iaitu orang Melayu, Jawa, Hindi, Arab, China dan orang Chempa.

Frasa “daripada segenap tempat” yang dihubungkan dengan frasa “serba bangsa” membawa makna bahawa terdapat pelbagai bangsa dari pelbagai tempat datang ke Melaka, yang kemudiannya dinyatakan satu persatu, iaitu Melayu, Jawa, India, Arab, China dan Kemboja. Realitinya, bangsa yang datang ke Melaka adalah pelbagai dan bukannya satu bangsa tertentu sahaja.

Meskipun ayat yang dijadikan contoh merupakan ayat penulisan karangan pada tahun 1940-an, namun prinsip menepati realiti yang terkandung dalam kaedah tersebut tetap relevan dan bersifat sejagat. Dengan kata lain, prinsip menepati realiti ini kalis masa dan tempat.

Dari segi kepelbagaian jenis makna, berdasarkan prinsip pentaakulan kognitif, Za'ba (2002) memberikan ciri khusus berdasarkan maklumat berfakta dan rujukan nyata untuk membezakan antara simpulan bahasa, peribahasa dengan bahasa kiasan. Menurut Za'ba (2002:157), simpulan bahasa ialah:

“...rangkaiannya-rangkaiannya perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya... Tatkala satu-satu perkataan itu berdiri sendiri ia membawa maknanya yang asal, tetapi apabila sudah berhubung dengan satu-satu perkataan lain yang khas maka berubah sekali ertinya. Perhatikanlah: (1) Daripada perkataan “makan” telah terbit: makan suap...makan hati...makan diri, makan angin...makan gaji – masing-masing dengan ertinya yang khas.”

Kaedah verifikasi makna yang diletakkan dalam simpulan bahasa ialah pengenpastian makna asal dan makna khas. Makna asal, seperti “makan”

diverifikasikan melalui bentuk penggunaan yang berfakta dan dapat dikesan oleh pancaindera, yakni perbuatan mengunyah dan menelan makanan. Makna asal ini penuh makna dan dapat diterima oleh kognitif.

Makna khas, seperti “makan angin” pula diverifikasikan menggunakan pentaakulan kognitif yang berlainan daripada rujukan asal. Oleh sebab makna khas ialah makna yang dikehendaki, maka pentaakulan kognitif mewajarkan kewujudan rujukan baharu yang lebih imaginatif, iaitu perbuatan bersiar-siar untuk berehat. Meskipun kelihatan sirna makna kerana sifat abstraknya, tetapi gabungan perkataan “makan” dan “angin” mengubah rangkaian perkataan tersebut menjadi penuh makna. Peribahasa pula menurut Za‘ba (2002:170) ialah:

“...segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya – dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan, dan perumpamaan – kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat-sifat peribahasa yang telah disebutkan itu. Hanya bezanya antara satu-satu itu:...”

Dengan lebih terperinci lagi, Za‘ba (2002:171–191) mengkategorikan bidalan, pepatah dan perbilangan sebagai peribahasa yang bererti selapis, manakala perumpamaan pula sebagai peribahasa yang bermakna dua lapis. Perumpamaan yang paling banyak adalah yang bermakna dua lapis, iaitu makna luaran yang zahir dan makna sebenar yang dimaksudkan adalah berlainan. Perumpamaan dua lapis terbahagi pula kepada dua pecahan, iaitu yang disebutkan perbandingannya dan yang tidak disebutkan perbandingannya. Contoh perumpamaan yang disebutkan perbandingannya adalah yang mempunyai kata pemerai awalan “seperti” dan “bagai”, sementara perumpamaan yang tidak disebutkan perbandingannya tidak mempunyai kata tersebut.

Dalam ceraihan 166 *Ilmu Mengarang Melayu*, Za‘ba (2002:190) mengusulkan bahawa makna yang terkandung dalam perumpamaan perlu diperluas merangkumi pelbagai perkara selain perlu dimaknai dengan tepat dan benar tujuannya. Contoh perluasan makna ialah “potong hidung rosak muka”; yakni potong hidung boleh menjangkau makna kaum keluarga yang tidak dipedulikan dan rosak muka boleh dimaknakan dengan diri sendiri yang mendapat malu. Contoh ketepatan makna ialah “musuh dalam selimut”; iaitu individu yang dipercayai sekalipun tanpa disangka-sangka boleh merosakkan atau mendatangkan bahaya kepada diri sendiri.

Dari sudut rujukan, verifikasi yang diusulkan oleh Za‘ba ini bermaksud bahawa makna mempunyai medan yang luas dan pelbagai selagi boleh diteroka. Namun begitu, keluasan medan tersebut tidak memadai tanpa rujukan yang tepat. Dengan demikian, Za‘ba menekankan kaedah verifikasi makna berasaskan keluasan dan

ketepatan rujukannya mestilah mempunyai justifikasi yang sahih dan rasional yang boleh diterima. Makna kedua-dua contoh peluasan dan ketepatan makna juga mengandungi tujuan yang benar, iaitu sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan. Berkenaan bahasa kiasan, Za'ba (2002:195) memerihalkannya seperti berikut:

“...bahasa yang mencakupkan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada lain perkara sama ada dengan menyebutkan bandingan di antaranya atau dengan tiada menyebutkan bandingan lagi; tujuannya supaya menambahkan terang sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dan menguatkan maknanya. Misalnya: (i) Yang menyebutkan bandingan: matanya seperti bintang timur...hancur luluh laksana kaca jatuh ke batu...(ii) Yang tiada menyebut bandingan: ayam tambatan, pelanduk dua serupa, Abu Jahal, Mat Jenin...”

Oleh itu, dari segi pemaknaan, bahasa kiasan mengandungi perbandingan antara perkara yang dimaksudkan sama ada melalui sebutan secara bandingan atau tanpa perbandingan. Makna melalui perbandingan dikenal pasti dengan jelas antara satu perkara dengan perkara lain, seperti “hati yang hancur luluh” dengan “kaca yang hancur berderai akibat jatuh ke batu”. Makna tanpa melalui penyebutan bandingan pula menurut verifikasi Za'ba dapat dikenali melalui terpalangnya (terlencongnya) perkataan tersebut daripada penggunaan biasa. Sebagai tambahan untuk mengukuhkan verifikasi makna Za'ba, makna tanpa melalui penyebutan bandingan dapat dikenal pasti melalui andaian pengguguran kata pemeris seperti “bagaikan” dalam contoh “serupa bagaikan dua pelanduk” kerana rupa fizikal dua ekor pelanduk yang seiras.

Sebagai perbandingan, melalui tiga cabang tinggi bahasa, kaedah verifikasi makna Za'ba diringkaskan seperti dalam Jadual 1. Dalam ketiga-tiga cabang tinggi bahasa tersebut, Za'ba mengemukakan kaedah verifikasi yang membezakan makna asal (makna zahir atau makna biasa) dengan makna khas (makna sebenar yang dikehendaki atau makna pemesongan). Makna asal tidak sukar diverifikasikan kerana sifat zahir dan lazimnya dapat dikenal pasti melalui kaedah makna literal. Walau bagaimanapun, berbeza dengan makna khas, oleh sebab bersifat kognitif, tersirat dan pemesongan, verifikasi dilakukan melalui kaedah interpretasi figuratif bagi menunjukkan keabstrakan makna dalam rujukan baharu. Dalam ketiga-tiga cabang tinggi bahasa tersebut, Za'ba mengemukakan kaedah verifikasi yang membezakan makna asal (makna zahir atau makna biasa) dengan makna khas (makna sebenar yang dikehendaki atau makna pemesongan). Makna asal tidak sukar diverifikasikan kerana sifat zahir dan lazimnya dapat dikenal pasti melalui kaedah makna literal. Walau bagaimanapun, berbeza dengan makna khas, oleh sebab bersifat kognitif, tersirat dan pemesongan, verifikasi dilakukan melalui kaedah interpretasi figuratif bagi menunjukkan keabstrakan makna dalam rujukan baharu.



**Jadual 1** Contoh kaedah verifikasi makna menurut Za'ba (2002).

<b>Simpulan Bahasa dan Contoh</b>	<b>Peribahasa dan Contoh</b>	<b>Bahasa Kiasan dan Contoh</b>
Susunan khas dan digunakan dengan makna khas yang berlainan daripada makna asalnya.	Susunan perkataan yang sedap sebutan dan tepat pemilihannya, serta luas dan benar tujuannya.	Perihal berkias tentang satu perkara dengan perkara lain sama ada dengan menyebutkan bandingannya atau tidak, dengan tujuan menambahkan keterangan dan menguatkan lagi maknanya.
<b>Asal [realiti]</b> (makan) → <b>Khas [kognitif]</b> (makan suap)	Bidalan, pepatah dan perbilangan = <b>Makna selapis [makna zahir]</b> Perumpamaan = <b>Makna dua lapis [makna zahir dan makna sebenar]</b>	Makna melalui penyebutan perbandingan = <b>Makna biasa</b> Makna tanpa melalui penyebutan bandingan = <b>Makna yang dipesongkan daripada penggunaannya yang biasa</b>

Dari segi keabstrakan makna tersebut, Za'ba juga mengetengahkan kaedah verifikasi bertahap, iaitu dari makna khas dalam simpulan bahasa ke makna sebenar yang tersirat dalam peribahasa dan seterusnya makna pemesongan dalam bahasa kiasan. Tahap abstrak dalam simpulan bahasa lebih mudah untuk diberikan gambaran imaginatif berbanding peribahasa dan bahasa kiasan. Tahap abstrak dalam peribahasa (terutamanya perumpamaan) dan bahasa kiasan hampir sama dan sukar dibezakan. Namun begitu, ciri pemesongan makna dalam bahasa kiasan berfungsi membezakannya dengan perumpamaan kerana makna tersebut berlainan daripada makna literalnya.

Keupayaan Za'ba memperkenalkan kaedah asas verifikasi makna yang sistematik meskipun secara tersirat dan tidak selengkap pemikiran ilmu balaghah al-Jurjāni (t.t.) dalam falsafah Arab-Islam menjadi petunjuk pengaruh linguistik dan falsafah Arab dalam falsafah Za'ba. Keupayaan ini bukanlah menghairankan kerana beliau mampu membaca, menulis dan menterjemahkan teks Arab hasil pembelajarannya dengan guru dan sahabat beliau, iaitu Syeikh Tahir Jaluluddin. Dari segi latar belakang, Syeikh Tahir membesar dalam persekitaran intelektual Arab yang langgam bahasanya dan agak kearaban (Abdul Aziz Mat Ton, 2000:168).

## **KESIMPULAN**

Terdapat kesedaran dan tanggungjawab falsafi yang diperlihatkan oleh Za'ba dalam meletakkan asas pembentukan verifikasi makna falsafah Melayu. Dalam hubungan ini, beliau bukan sahaja mengetengahkan konsep benar, salah, penuh makna dan sirna makna serta tahap yang melibatkan perintah Tuhan dan peranan akal, malahan juga mengutarakan kritikan, menghuraikan gejala serta mengemukakan cadangan konseptual berhubung dengan verifikasi makna, termasuk makna ayat al-Quran.

Dapatan makalah ini menjadi petunjuk bahawa Za'ba bukan setakat berfalsafah dalam menggarap persoalan makna dalam bahasa Melayu, tetapi juga memiliki falsafah tersendiri tentang makna tersebut, yang diungkapkan menggunakan kekuatan bahasa Melayu. Meskipun falsafah tentang bahasa yang dimiliki oleh beliau masih belum diselidik dengan mendalam dari segi epistemologi untuk dinamakan sebagai “falsafah bahasa Za'ba”, namun pemikiran beliau yang tajam dan sistematik itu sekurang-kurangnya menjadi asas penting bidang linguistik di Malaysia dan alam Melayu.

Seperti ditegaskan oleh Awang Sariyan (2010:19), di sebalik kekaguman terhadap ahli falsafah bahasa Barat, seperti Chomsky dan lain-lain, kehebatan dan sumbangan Za'ba tidak sewajarnya dilupakan. Analisis konsep dan kaedah verifikasi makna dalam pemikiran Za'ba ini mengisyaratkan bahawa penggalian pemikiran beliau yang berfokus dan berterusan berpotensi membongkar pelbagai idea terpendam dalam pelbagai karya beliau, yang relevan dan segar dalam konteks kontemporari.

Untuk kajian akan datang, faktor manifestasi pengaruh gerakan reformisme di Timur Tengah dalam konsep verifikasi makna yang dibentuk oleh Za'ba serta pengaruh linguistik dan falsafah Arab dalam kaedah asas verifikasi makna yang dibina oleh beliau yang disingkap dalam kajian ini perlu dilanjutkan lagi perbincangannya, terutama dari segi bentuk dan pertahapan pengaruh tersebut. Selain itu, pengalaman Za'ba di London sebagai tenaga pengajar di Universiti London mulai penghujung 1947 hingga Ogos 1950 juga perlu disingkap untuk menilai pandangan beliau tentang kepentingan verifikasi makna. Terdapat kemungkinan beliau menyaksikan sendiri gelombang pusingan linguistik, khususnya pengaruh falsafah analitik tentang verifikasi makna yang sebelum itu telah ditampilkan konsep dan kaedah asasnya kepada masyarakat Melayu dalam bentuk yang kritis dan sistematik.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- A. Bakar Hamid. (1967). Semantik. Dlm. Abdullah Hassan (Peny.). *Rencana linguistik*, 145-151. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ‘Abd al-Azīz ‘Atīq. (1985). *‘Ilm al-ma‘ānī*. Dār al-Nahḍaṭ al-‘Arabiyyaṭ.
- Abdul Aziz Mat Ton. (2000). *Politik al-Imam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain. (2000). *Pendeta Za‘ba dalam kenangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hj. Nawang. (1994). *Za‘ba: Patriot dan pendeta Melayu*. Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Hj. Nawang. (2005). *Memoir Za‘ba*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adnan Hj. Nawang. (2009). *Za‘ba dan Melayu*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Nabil Amir. (2020). Pemikiran Za‘ba dalam karya-karya terpilih. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 53–58. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.5.2020>
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquin. (1970). *The mysticism of Hamzah Fansuri*. University of Malaya Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Al-Jurjāni, ‘Abd al-Qāhir (t.t.). *Dalā‘il al-i‘jāz fī ‘ilm al-ma‘ānī*. Mahmud Muhammad Syakir (Ed.). Maktabaṭ al-Khānjī.
- Aquinas, T. S. (1274). *Summa theologica*. Christian Classics Ethereal Library. <https://www.ccel.org/ccel/a/aquinas/summa/cache/summa.pdf>.
- Asmah Haji Omar. (2000). Pengenalan. Dlm. *Za‘ba Pelita bahasa penggal I-III, (Edisi baharu)*, hlm. xi-xxxvi.. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu (Edisi kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Za‘ba: Ahli fikir dan ahli bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan falsafah bahasa dan pemikiran dalam linguistik*. Sasbadi.

- Awang Sariyan. (2010). Sumbangan pemikiran Za'ba dalam pelanjutan tradisi linguistik Melayu. Dlm. Abdul Hamid Mahmood, Idris Md. Radzi dan Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (Eds.) *Memartabatkan warisan Pendeta Za'ba*, 13–20. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ayer, A. J. (1936). *Language, truth, and logic*. Penguin Books.
- Haron Daud. (1995). Pemikiran dan sikap Za'ba terhadap bangsa Melayu. *Jebat*, 25, 107–121.
- Hashim Hj. Musa. (1994). *Pengantar falsafah bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Ong Chin Guan. (1998). *Pengantar ilmu makna*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2023). Bahasa agama dalam falsafah Melayu: Faktor pengabaian dan kepentingan. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 30(1), 149–172. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.1.8>
- Pusat Pengurusan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia. (2023). *Ijazah kehormat UKM (1973–1999)*. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/akademik/ijazah-kehormat-ukm-1973-1999/>.
- Ratna Roshida Ab. Razak. (2021). Nilai spiritual dalam pemikiran Za'ba. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 141–158. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.14(1)no7)
- Searle, J. R. (Ed.). (1971). *The philosophy of language*. Oxford University Press.
- Smirnov, A. (1997). Truth and Islamic thought. Dlm. Deutch, E. and Bontekoe, R. (Ed.) *A companion to world philosophies*, hlm. 437-447. Blackwell Publishing.
- Stiver, D. R. (1996). *The philosophy of religious language: Sign, symbol and story*. Blackwell.
- Za'ba. (1919, 26 Ogos). Kejatuhan kaum Islam. *Utusan Melayu*.
- Za'ba. (1980). *Falsafah takdir*. Hamdan Hassan (Pytg.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2000). *Pelita bahasa Melayu Penggal I-III (Edisi baharu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba (2002). *Ilmu mengarang Melayu (Edisi ejaan Rumi baharu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba (2009). *Perangai bergantung pada diri sendiri (Edisi khas)*. Asmah Haji Omar (Peny.), Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (2007). Semantik. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman (Eds.) *Linguistik Melayu (Edisi kedua)*, hlm. 89–99. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.